



# NEWSLETTER

## SELANGOR SEIMBAS LALU

Negeri yang paling maju dan progresif serta dikenali sebagai *The Golden State of Malaysia*. Negeri yang mencatatkan komposisi penduduk tertinggi pada 2020 ialah Selangor (20.0%) diikuti oleh Sabah (12.0%) dan Johor (11.6%). Sebagai penjana ekonomi terbesar Malaysia, Selangor menikmati infrastruktur yang sangat maju dan merupakan tempat pelaburan yang mantap dengan sokongan kerajaan negeri yang sangat baik dan ekosistem komersial yang maju.

2019

Keluasan tanah

7,951 km<sup>2</sup>

Penduduk

6.5 juta

Kepadatan Penduduk

821/km<sup>2</sup>

Tempat Kediaman

1,931.2 ribu

**Nisbah  
jantina  
108**



3.4 juta



3.1 juta



Warganegara **90.4%**



Bukan Warganegara **9.6%**

Jangkaan Hayat Ketika Lahir



77.5 tahun



73.1 tahun

Kumpulan Etnik Warganegara Di Selangor

BUMIPUTERA  
60.0%

CINA  
26.7%

INDIA  
12.4%

LAIN-LAIN  
0.9%

2018

Kadar Kelahiran  
Kasar

• 15.8 Setiap 1,000 penduduk

Kadar Kesuburan  
Jumlah

• 1.7 Umur Produktif (15-49 tahun)

Kadar Kematian  
Kasar

• 4.2 Setiap 1,000 penduduk

## Penuaan Penduduk

Malaysia dijangka akan mengalami penuaan penduduk pada tahun 2030 iaitu apabila peratusan penduduk berumur 60 tahun dan ke atas mencapai 15% daripada jumlah penduduk. Warga tua yang berumur 60 tahun dan ke atas di Malaysia pada tahun 2030 adalah seramai 5.8 juta orang.

Bagaimana Penuaan Penduduk di Selangor pada tahun 2030 ?



Dijangka peratusan penduduk berumur 60 tahun dan ke atas adalah **14.9%**

Sumber: Population Quick Info DOSM, 2020

1

Sumber: Laporan Sosioekonomi Negeri Selangor, 2019



# PENDUDUK MENGIKUT JANTINA, BILANGAN KELAHIRAN HIDUP DAN KADAR KELAHIRAN KASAR SERTA BILANGAN DAN KADAR KEMATIAN MENGIKUT DAERAH

PENDUDUK ('000)

PENDUDUK ('000)

2018	KADAR	2018	2019
KELAHIRAN	17.4	64.2	<b>L</b> 65.3
KEMATIAN	8.4	61.9	<b>P</b> 63.0

2018	KADAR	2018	2019
KELAHIRAN	16.2	123.9	<b>L</b> 126.1
KEMATIAN	5.1	113.7	<b>P</b> 115.6

2018	KADAR	2018	2019
KELAHIRAN	17.5	129.8	<b>L</b> 132.1
KEMATIAN	5.5	121.4	<b>P</b> 123.5

2018	KADAR	2018	2019
KELAHIRAN	16.3	423.4	<b>L</b> 430.6
KEMATIAN	4.3	391.8	<b>P</b> 398.2


2018	KADAR	2018	2019
KELAHIRAN	14.7	552.4	<b>L</b> 561.1
KEMATIAN	4.5	472.7	<b>P</b> 479.8

2018	KADAR	2018	2019
KELAHIRAN	15.6	715.1	<b>L</b> 726.6
KEMATIAN	4.1	655.1	<b>P</b> 665.4

2018	KADAR	2018	2019
KELAHIRAN	22.0	142.5	<b>L</b> 145.0
KEMATIAN	5.3	127.6	<b>P</b> 129.7

2018	KADAR	2018	2019
KELAHIRAN	14.7	140.3	<b>L</b> 142.7
KEMATIAN	3.4	116.6	<b>P</b> 118.6

2018	KADAR	2018	2019
KELAHIRAN	14.9	1,115.4	<b>L</b> 1,133.0
KEMATIAN	3.6	1,041.6	<b>P</b> 1,057.7



## Bilangan Penduduk Tertinggi

Petaling > Ulu Langat > Klang  
**2.19 juta**      **1.39 juta**      **1.04 juta**

Daerah Petaling merekodkan bilangan penduduk tertinggi bagi lelaki dan perempuan pada tahun 2019 masing-masing 1.13 juta dan 1.06 juta. Manakala, Sabak Bernam mencatatkan bilangan penduduk terendah iaitu 0.1 juta.

Pada tahun 2018, kadar kelahiran kasar tertinggi dicatatkan oleh Kuala Langat dengan 22.0 dan terendah dicatatkan oleh Klang dan Sepang iaitu 14.7 bagi setiap 1,000 penduduk. Sabak Bernam merekodkan kadar kematian kasar tertinggi iaitu 8.4 bagi setiap 1,000 penduduk.

Bilangan Kelahiran hidup tertinggi, 2018

**Petaling**  
**32,235 bayi**

Sumber: Laporan Sosioekonomi Negeri Selangor, 2019

## JUMLAH TAWARAN RUMAH MENGIKUT JENIS DI SELANGOR

Selangor merupakan negeri yang mempunyai kepadatan penduduk yang tinggi. Bagi memenuhi keperluan penduduk di Selangor pelbagai jenis kediaman telah direka khusus mengikut harga dan tempat. Berikut merupakan jumlah rumah sedia ada mengikut jenis dan daerah yang ditawarkan di Selangor

### KATEGORI RUMAH

2019

Teres	712,871
Rumah berkembar	46,667
Rumah Bandar	20,388
Rumah Kluster	23,690
Rumah Rendah	144,543
Flat Kos Rendah	159,767
Flat	238,647
Kondominium/Pangsapuri	224,686

Jumlah Rumah Sedia ada Mengikut Daerah Di Selangor

Unit kediaman paling banyak di daerah Petaling iaitu 526,543 unit diikuti daerah Hulu Langat (369,862 unit) dan Gombak (202,103 unit). Manakala, daerah Sabak Bernam mempunyai 9,998 unit kediaman sahaja.

Sumber: Pusat Maklumat Harta Tanah Negara (NAPIC)

### TAHUKAH ANDA?

Pada tahun 2019, bilangan stok rumah sedia ada di Selangor adalah 1.57 juta unit. Rumah jenis Teres merupakan jenis rumah yang paling banyak di Selangor iaitu sebanyak 712,871 unit diikuti jenis Flat (238,647 unit) dan Kondominium/Pangsapuri (224,686 unit).



### Bilangan Rumah


Daerah	2019
Klang	199,990
Petaling	526,543
Gombak	202,103
Sepang	73,813
Sabak Bernam	9,998
Hulu Langat	369,862
Kuala Selangor	52,786
Kuala Langat	47,325
Hulu Selangor	88,839

3



# PENYERTAAN TENAGA BURUH SELANGOR MENINGKAT 1.1% PADA 2019

Sejumlah **3.59 juta** tenaga buruh direkodkan pada tahun 2019 di Selangor berbanding 3.55 juta orang pada tahun 2018 iaitu peningkatan sebanyak 1.1%. Bilangan penduduk bekerja juga turut meningkat kepada 3.49 juta orang pada tahun 2019 (2018: 3.45 juta orang).



Kadar penyertaan tenaga buruh (KPTB) di Selangor menurun daripada 76.3% pada tahun 2018 (Lelaki: 82.5%, Perempuan: 69.5%) kepada 76.0% pada tahun 2019 (Lelaki: 81.8%, Perempuan: 69.6%).

Kadar pengangguran di Selangor meningkat kepada 2.9% pada tahun 2019 (2018: 2.8%).

## Penduduk bekerja mengikut kategori pekerjaan, Selangor


Bilangan ('000)

Kategori Pekerjaan	2018	2019
Jumlah	3,446.7	3,489.5
Pengurus	229.6	257.1
Profesional	582.7	639.7
Juruteknik & Profesional bersekutu	496.7	482.1
Pekerja sokongan perkeranian	365.2	396.4
Pekerja perkhidmatan & jualan	675.1	626.5
Pekerja mahir pertanian, perhutanan, penternakan & perikanan	50.1	54.6
Pekerja kemahiran & pekerja pertukangan yang berkaitan	305.6	297.8
Operator mesin & loji dan pemasangan	477.9	487.9
Pekerja asas	263.9	247.4

Pekerja profesional mendominasi penduduk bekerja di Selangor, iaitu sumbangan sebanyak 18.3% pada tahun 2019. Ini diikuti oleh kategori pekerja perkhidmatan & jualan (18.0%) dan pekerja operator mesin & loji dan pemasangan (14.0%). Peratus penduduk bekerja kategori mahir di Selangor adalah 39.5%.

## Komposisi penduduk bekerja mengikut sektor, Selangor, 2019

Peratusan (%)



Sektor Perkhidmatan mencatatkan bilangan pekerja tertinggi pada tahun 2019 iaitu seramai 2.4 juta orang pekerja dan diikuti oleh sektor pembuatan (697.6 ribu orang) dan pembinaan (312.4 ribu orang). Perlombongan dan pengkuarian mencatatkan bilangan pekerja terendah iaitu seramai 23.1 ribu orang.

Sumber: Laporan Sosioekonomi Negeri Selangor, 2019

# PENDAPATAN DAN PERBELANJAAN PENGGUNAAN ISI RUMAH (IR)

IR ('000) **1623.1**  
1550.5

Purata Saiz IR **3.9 Orang**  
4.1 orang

Purata Penerima Pendapatan **1.8 Orang**  
1.9 orang

2019  
2016

Selangor	RM 8,210 RM 7,225	RM 10,827 RM 9,463
Bandar	RM 8,349 RM 7,443	RM 11,009 RM 9,671
Luar Bandar	RM 5,961 RM 5,119	RM 7,682 RM 6,357
	Penengah	Purata

Pendapatan penengah di Selangor meningkat 4.3% setahun (2019) berbanding 7.5% pada tahun 2016. Pendapatan purata meningkat lebih tinggi 4.5% pada tahun 2019.

## Empat Daerah Mencatatkan Pendapatan Penengah Tertinggi

Daerah Petaling mencatatkan pendapatan penengah tertinggi iaitu RM8,993 pada 2019 (2016: RM7,904), diikuti dengan Sepang RM8,937 (2016: RM8,174), Gombak RM8,501 (2016: RM7,851) dan Hulu Langat RM8,361 (2016: RM7,851). Manakala, daerah lain merekodkan pendapatan di bawah paras pendapatan isi rumah kasar bulanan penengah negeri iaitu RM8,210.00.

## Taburan IR : Kumpulan Pendapatan

Pembahagian isi rumah mengikut kumpulan pendapatan menunjukkan isi rumah T20 merekodkan pendapatan penengah sebanyak RM20,175 manakala isi rumah M40 adalah RM9,737 dan Isi rumah B40 (RM4,657).

## Perbelanjaan Penggunaan IR Bulanan Purata Selangor

**RM5,830 (3.9%)**  
RM 5,183

Perbelanjaan utama : Perumahan, air, elektrik, gas dan bahan api **25.1%**

## Petaling Mencatatkan Perbelanjaan Tertinggi

Perbelanjaan penggunaan isi rumah mengikut daerah pentadbiran di Selangor merekodkan perbelanjaan tertinggi di daerah Petaling (RM6,787) dan terendah di daerah Sabak Bernam (RM3,941). Hanya Petaling yang mencatatkan perbelanjaan penggunaan isi rumah bulanan purata melebihi paras negeri.

## Kemiskinan

Kemiskinan <b>1.2%</b> 0.8% <sup>r</sup>	Pekali <b>0.393</b> 0.372
Kemiskinan Relatif <b>15.3%</b> 10.7%	Multidimensional Poverty Index <b>0.007</b> 0.008

Sumber: Laporan Survei Pendapatan Isi Rumah dan Kemudahan Asas Mengikut Negeri dan Daerah Pentadbiran, 2019  
Laporan Survei Perbelanjaan Isi Rumah Mengikut Negeri dan Daerah Pentadbiran, 2019

5



Pendidikan memainkan peranan utama bagi perkembangan ekonomi dan pembangunan sesebuah negara. Negara yang mempunyai rakyat berpendidikan tinggi akan menikmati kemajuan ekonomi yang lebih tinggi. Kadar literasi rakyat Malaysia secara umumnya sudah menjangkau 94.64 peratus berdasarkan laporan yang dikeluarkan oleh laporan 'Adult and Youth Literacy : National Regional and Global Trends 1985-2015' yang diterbitkan oleh UNESCO Institute for Statistic (UIS).


Di Selangor terdapat **941 sekolah**, iaitu sebanyak 663 sekolah rendah (rendah dan pra) dan 278 sekolah menengah (menengah dan kolej) pada tahun 2020.

**Bilangan guru** adalah sebanyak 61,451, di mana guru sekolah rendah sebanyak 35,102 manakala sekolah menengah 26,349.

**Bilangan murid** pula adalah sebanyak 901,990, bilangan murid sekolah rendah adalah sebanyak 534,848 dan sekolah menengah 367,142.

Sebanyak **29,083 bilangan kelas** di Selangor, iaitu 16,437 sekolah rendah dan 12,646 sekolah menengah.

Daerah	Bil. Murid	Bil. Kelas	Bil. Guru	Bil. Sekolah
PPD Klang	155,006	4,788	9,887	133
PPD Hulu Langat	167,040	5,186	10,693	131
PPD Petaling Perdana	177,536	5,378	11,095	139
PPD Kuala Selangor	50,734	1,821	4,045	92
PPD Gombak	120,714	3,924	8,327	104
PPD Petaling Utama	74,220	2,436	5,019	86
PPD Kuala Langat	48,996	1,668	3,734	72
PPD Hulu Selangor	42,076	1,488	3,254	68
PPD Sabak Bernam	22,523	1,014	2,347	64
PPD Sepang	43,145	1,380	3,050	52



PPD Petaling Perdana mencatatkan paling tinggi bilangan murid (177,536), bilangan kelas (5,378), bilangan guru (11,095) dan bilangan sekolah (139). PPD Sabak Bernam pula menunjukkan bilangan paling rendah iaitu seramai 22,523 bilangan murid, diikuti oleh bilangan kelas sebanyak 1,014 dan 2,347 orang guru.

Guru perempuan di Selangor direkodkan lebih ramai iaitu seramai 48,744, berbanding guru lelaki iaitu seramai 12,707. Kaum Melayu paling tinggi menjadi guru iaitu seramai 48,138 (37,260 perempuan dan 10,878 lelaki). Diikuti kaum Cina 7,148 (6,280 perempuan dan 868 lelaki) dan kaum India 5,494 (4,640 perempuan dan 854 lelaki).

Sumber: Jabatan Pendidikan Negeri Selangor, 2020

# KESIHATAN

Bilangan doktor, doktor gigi, jururawat dan katil di hospital kerajaan dan swasta di Selangor meningkat pada tahun 2018 jika dibandingkan dengan jumlah pada tahun 2017.

Bagi bilangan hospital, tiada perubahan bilangan bagi hospital kerajaan pada tahun 2018 iaitu sebanyak 14 buah manakala terdapat peningkatan bilangan direkodkan bagi hospital swasta iaitu 64 buah berbanding 62 buah pada 2017.

Bilangan katil di hospital pada 2018 ialah sebanyak 9,705 buah yang mencatatkan kenaikan sebanyak 131 buah berbanding tahun sebelumnya (jumlah katil termasuk di hospital kerajaan, institusi perubatan khas, hospital swasta, rumah rawatan dan bersalin).



**2018**  
12,090  
**2017**  
11,711



**2018**  
1,826  
**2017**  
1,549



**2018**  
9,705  
**2017**  
9,574



**2018**  
19,015  
**2017**  
17,645



**2018**  
78  
**2017**  
76

## 5 Sebab Utama Kematian Yang Disahkan Secara Perubatan Di Selangor

Lelaki	Perempuan
Penyakit Jantung Iskemia (2,160)	Penyakit Radang Paru-paru (948)
Penyakit Radang Paru-paru (1,174)	Penyakit Jantung Iskemia (921)
Penyakit Serebrovaskular (689)	Penyakit Serebrovaskular (527)
Kemalangan Pengangkutan (629)	Barah payu dara (385)
Barah trakea, bronkus dan paru-paru (328)	Kencing manis (198)

Jumlah kematian yang disahkan secara perubatan di Selangor pada 2018 ialah sebanyak 19,017 orang manakala bagi kematian yang tidak disahkan oleh perubatan ialah sebanyak 8,370 orang.

Sumber: Laporan Sosioekonomi Negeri Selangor, 2019  
Laporan My Local Stats Selangor, 2018

## 5 Sebab Utama Kematian Yang Tidak Disahkan Secara Perubatan Di Selangor

Lelaki	Perempuan
Sakit tua 65 tahun dan lebih (1,445)	Sakit tua 65 tahun dan lebih (1,812)
Darah tinggi (336)	Darah tinggi (241)
Kencing manis (263)	Kencing manis (185)
Penyakit Serebrovaskular (147)	Penyakit Serebrovaskular (149)
Penyakit Jantung Iskemia (104)	Barah payu dara (108)

Selain dari 5 sebab utama di atas, terdapat sebab-sebab lain yang menyumbang kematian utama di Selangor seperti "barah kolon, rektum dan dubur", lelah, barah hati, dan tibi/batuk kering.